



PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	2/10/2011

# Filem hantu racun minda

Lambakan cerita  
tahyul punca histeria:  
Dr Mahathir

Oleh Hanneeyzah  
Bariah Baharin  
hanneeyzah@bharian.com.my

**K**UALA TERENGGANU: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad (kanan), berkata lambakan cerita hantu yang ditayangkan di televisyen dan filem ketika ini boleh mempromosikan kepercayaan karut yang tidak membantu membina masyarakat produktif, termasuk menyelesaikan masalah dengan pendekatan saintifik.

Beliau berkata, lambakan cerita hantu yang berasaskan mitos banyak menyumbang kepada serangan histeria di kalangan pelajar perempuan Melayu.



## Kaedah lebih saintifik perlu dicari

» DARI MUKA 1

"Filem dan drama televisyen memaparkan kisah hantu hanya menggalakkan kepercayaan tahyul yang tidak mempunyai asas sama sekali. Kita, terutama umat Islam, perlu tahu bahawa hanya Allah mempunyai kuasa ke atas segala-galanya.

"Sebagai contoh, dalam bidang perubatan, manusia mempunyai apa yang dipanggil sebagai 'peripheral vision' (pandangan ekor mata). Jadi sekumpulan pelajar perempuan di asrama yang bercerita mengenai hantu akan melihat imbasan lembaga atau bayang-bayang melalui ekor mata dan terkena serangan histeria.

"Jadi, biasanya apabila ada serangan histeria, menjadi amalan biasa untuk mendapatkan khidmat bomoh bagi menangani masalah itu. Ini adalah pelik kerana perkataan histeria itu sendiri adalah perkataan Inggeris yang berkaitan dengan rahim," katanya berucap pada Majlis Konvokesyen Kesembilan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) di sini, semalam.

Pada majlis itu, beliau menerima Anugerah Ijazah Kehormat Doktor Sains daripada Raja Permaisuri Agong, Tuanku Nur Zahirah yang turut menyampaikan Anugerah Profesor Emeritus Bidang Sains Akuakultur kepada Prof Dr Faizah Shaharom.

Dr Mahathir berkata, rakyat Malaysia kini perlu memberi tumpuan kepada mencari kaedah lebih saintifik untuk menyelesaikan masalah.

"Untuk bergerak dan maju ke hadapan, kita perlu banyak menerapkan cara berfikir secara saintifik dalam menyelesaikan masalah, bukan bergantung pada bomoh.

"Kita harus menerima hakikat bahawa kita tidak boleh mengubati orang dengan kemeyan. Dulu kita tidak ada cara lain mungkin boleh guna cara itu. Dulu jika kita sakit jantung, pergi belah dada kita akan mati. Sekarang, jika kita sakit jantung, kita boleh belah (pembedahan) sebab sudah ada mesin jantung dan paru-paru... itu saintifik," katanya.